



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



Adding years of healthy life



A member of the NUHS



A member of the NUHS



Jurong Health  SingHealth

MENGENAI ubat anda

Bromocriptine boleh digunakan untuk rawatan salah satu daripada penyakit-penyakit berikut:

- Kemandulan/(Fertiliti) lelaki dan wanita, masalah hormon lelaki, masalah haid, penyakit payu dara yang tidak bahaya serta rembesan susu luar biasa yang disebabkan oleh terlalu banyak hormon prolaktin.
- Mengurangkan penghasilan susu selepas bersalin
- Parkinson
- Acromegaly (terlalu banyak penghasilan hormon tumbesaran)
- Tumor kelenjar pituitari

BAGAIMANA saya mengambil ubat?

Bromocriptine boleh diambil dengan makanan atau susu jika ubat ini menyebabkan perut tidak selesa. Ambil ubat sebelum tidur boleh mengurangkan rasa mual, sekiranya kesan sampingan ini berlaku.

Setengah pesakit mungkin perlu ambil ubat untuk beberapa minggu sebelum kesan sepenuhnya dicapai. Jangan henti mengambil ubat walaupun anda rasa ubat ini tidak ada kesan lagi.

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda terlupa satu dos, anda boleh mengambil dos tersebut dalam masa 4 jam daripada masa biasa. Jika sudah melebihi 4 jam, biarkan sahaja dos yang terlupa dan mengambil dos berikutnya mengikut masa biasa. Jangan menggandakan dos.

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN untuk ubat ini?

Gastrousus: mual, sembelit, hilang selera makan, mulut kering.

Kardiovaskular: Tekanan darah rendah (mengakibatkan kepeninginan atau pitam semasa bangun daripada keadaan duduk, baring atau berjongkok), perasaan menyucuk atau kesakitan jari-jari tangan atau kaki yang bertambah buruk apabila terdedah dengan udara sejuk.

Sistem saraf pusat: Rasa muram, keliru dan berkhayal.

Sistem neuro-otot dan tulang: Kaki kejang, pergerakan badan yang tidak terkawal (termasuk muka, lidah, bahu, tangan, kepala dan bahagian atas badan)

Sistem pernafasan: hidung sumbat

Setengah kesan sampingan lebih mungkin berlaku apabila dos bromocriptine lebih tinggi digunakan seperti dalam rawatan penyakit Parkinson, acromegaly atau tumor pituitari.

Setengah kesan sampingan akan hilang selepas beberapa ketika, dengan pengambilan ubat yang berterusan.

Periksa dengan doktor anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang tidak diingini.

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Bromocriptine boleh menyebabkan rasa mengantuk dan kepeninginan. Jika dipengaruhi, jangan memandu atau mengendalikan mesin. Pening lebih mungkin terjadi pada waktu permulaan terapi. Pengambilan dos pertama sebelum tidur boleh mengurangkan kepeninginan. Bangun perlahan-lahan daripada keadaan duduk, baring atau berjongkok jika pergerakan menyebabkan kepeninginan.

Pengambilan alkohol dengan bromocriptine mungkin boleh menyebabkan kecaburan penglihatan, kesakitan dada, kekeliruan dan denyutan jantung yang cepat berdebar.

Periksa dengan doktor anda sebelum mengambil ubat-ubat lain bersama dengan bromocriptine kerana interaksi drug mungkin berlaku.

Jangan hentikan ubat dengan mendadak kerana ini mungkin menyebabkan kesan-kesan yang tidak diingini.

Kehamilan: Pesakit wanita yang tidak berniat untuk hamil patut menggunakan cara pencegah kehamilan bukan hormon kerana cara hormon mungkin mengurangkan kesan bromocriptine. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda rasa sudah hamil. Bincang dengan doktor sama ada pengambilan bromocriptine patut diteruskan semasa hamil.

Menyusui anak: Bromocriptine menghentikan penghasilan susu. Namun, walaupun pencegahan penghasilan susu gagal, jangan menyusui anak.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat?

Simpan ubat di tempat yang kering dan dingin. Lindungi ubat daripada kelembapan, haba dan cahaya matahari langsung.